

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 7 Ogos 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon: 03-80904681

LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI 2024

Semua negeri mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif pada tahun 2024, disokong oleh perbelanjaan pelancongan domestik yang lebih tinggi melepasi RM100 bilion dan pengukuhan prestasi perdagangan mencecah RM2.9 trilion

PUTRAJAYA, 7 OGOS 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini menerbitkan **LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI 2024** yang memperincikan landskap sosioekonomi Malaysia merangkumi 13 buah negeri dan dua (2) Wilayah Persekutuan. Laporan ini yang merupakan penerbitan edisi ke-8 sejak tahun 2017 ia diterbitkan, mengintegrasikan statistik ekonomi dan sosial terpilih bagi memberi gambaran holistik terhadap pembangunan sosioekonomi di peringkat negeri. Pada tahun 2024, semua negeri merekodkan prestasi ekonomi yang positif, mencerminkan pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh di negara ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Malaysia terus menunjukkan daya tahan dengan pertumbuhan yang stabil dalam pelbagai sektor utama serta permintaan domestik yang kukuh meskipun berdepan risiko ketidaktentuan global sepanjang tahun 2024. Prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2024 digambarkan menerusi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.1 peratus dengan nilai ekonomi mencecah RM1.65 trilion. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar ekonomi negara merekodkan pertumbuhan

5.3 peratus didorong terutamanya oleh industri berorientasikan pelancongan manakala sektor Pembuatan meningkat 4.2 peratus disokong oleh permintaan produk Elektrik & elektronik (E&E) global yang lebih kukuh.”

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan turut diperlihatkan menerusi prestasi ekonomi di semua negeri yang merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2024. Lima (5) negeri yang menunjukkan prestasi cemerlang, mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional sebanyak 5.1 peratus, iaitu Johor (6.4%), Selangor (6.3%), W.P. Kuala Lumpur (6.2%), Pahang (5.7%) dan W.P. Labuan (5.4%). Sementara itu, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai lima (5) negeri penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dengan sumbangan kumulatif sebanyak 68.2 peratus. Manakala bagi KDNK per kapita, lima (5) negeri kekal melebihi paras nasional (RM56,745) iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM136,364), W.P. Labuan (RM87,041), Pulau Pinang (RM76,030), Sarawak (RM73,444) dan Selangor (RM65,913).

Meskipun ketegangan perdagangan sepanjang tahun 2024 memberi tekanan terhadap rantai bekalan dan pasaran eksport global, nilai eksport Malaysia meningkat 5.8 peratus, berjumlah RM1.5 trilion berbanding RM1.4 trilion yang direkodkan pada tahun 2023. Pengukuhan nilai eksport ini dipacu oleh barangan elektrik dan elektronik yang memulih 4.5 peratus setelah merekodkan penyusutan 3.0 peratus pada tahun sebelumnya. Ini selari dengan pengembangan permintaan pasaran global bagi E&E terutamanya AI, automotif pintar dan infrastruktur data. Prestasi baik ini telah memberi kelebihan kepada Pulau Pinang, Selangor dan Johor yang merupakan tiga negeri pengeksport utama produk E&E apabila nilai eksport E&E bagi negeri-negeri ini meningkat pada tahun 2024 masing-masing 5.0 peratus, 11.9 peratus dan 10.1 peratus setelah merosot pada tahun 2023. Sementara itu, import Malaysia turut meningkat 13.1 peratus, mencecah RM1.4 trilion pada tahun 2024, sejajar dengan pengukuhan permintaan domestik dan pelaburan. Selangor kekal sebagai pengimport utama negara, menyumbang 26.0 peratus kepada import keseluruhan, diikuti Johor (23.0%) dan Pulau Pinang (21.4%). Nilai eksport yang melebihi import telah mendorong lebih dagangan Malaysia berjumlah RM139.1 bilion, manakala nilai perdagangan melonjak 9.2 peratus kepada RM2.9 trilion, berbanding kemerosotan 7.3 peratus pada tahun 2023.

Malaysia terus muncul sebagai destinasi pelaburan pilihan, menarik pelaburan asing dan domestik merentasi pelbagai sektor strategik. Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap keutuhan ekonomi negara serta prospek pertumbuhan jangka panjang negara. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan bahawa Malaysia merekodkan pencapaian tertinggi pelaburan yang diluluskan dalam sejarah negara berjumlah RM384.4 bilion pada tahun 2024 (2023: RM329.5 bilion) dengan peningkatan 16.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah pelaburan tersebut, pelaburan domestik bernilai RM213.1 bilion dengan sumbangan sebanyak 55.4 peratus manakala pelaburan asing berjumlah RM171.3 bilion. Sektor Perkhidmatan menerima nilai pelaburan tertinggi berjumlah RM255.8 bilion (2023: RM168.4 bilion), menyumbang 66.5 peratus kepada jumlah keseluruhan pelaburan. Manakala sektor Pembuatan dan sektor Utama masing-masing merekodkan jumlah pelaburan mencecah RM120.5 bilion dan RM8.1 bilion. Lima (5) negeri yang menerima pelaburan tertinggi ialah Selangor (RM101.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM89.2 bilion), Johor (RM48.5 bilion), Kedah (RM48.0 bilion) dan Pulau Pinang (RM32.0 bilion). Bagi Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah, lebih 50 peratus daripada jumlah pelaburan yang diterima adalah bagi sektor Pembuatan. Ini berpotensi mengukuhkan prospek pertumbuhan sektor ini di negeri tersebut. Selain itu, MIDA turut melaporkan bahawa pelaburan diluluskan ini meliputi 6,700 projek merentasi sektor-sektor utama akan mewujudkan lebih daripada 207,000 pekerjaan baharu seterusnya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama.

Malaysia terus teguh sebagai destinasi pelancongan menarik dengan mencatatkan 25.0 juta pelancong pada tahun 2024 (2023: 20.1 juta pelancong), melonjak 24.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada tempoh sama, sektor pelancongan domestik turut merekodkan pertumbuhan ketara iaitu 21.7 peratus untuk mencatatkan 260.1 juta pelawat berbanding 213.7 juta pelawat pada tahun 2023. Selangor merupakan negeri yang paling ramai dikunjungi pelawat domestik, menarik 34.5 juta orang, diikuti W.P. Kuala Lumpur dan Perak masing-masing menerima 27.0 juta pelawat dan 21.8 juta pelawat. Sementara itu, pelancong domestik turut menunjukkan peningkatan 17.5 peratus untuk mencatatkan 93.4 juta pelancong berbanding 79.6 juta pelancong pada tahun 2023. Perak muncul sebagai destinasi pelancongan yang popular pada tahun

2024 dengan kedatangan pelancong sebanyak 10.2 juta diikuti Selangor (9.6 juta), Pahang (9.53 juta), Johor (9.48 juta) dan Kedah (6.9 juta). Pertumbuhan ketara sektor pelancongan domestik Malaysia turut mendorong jumlah perbelanjaan pelawat domestik yang meningkat 25.7 peratus, mencecah RM106.7 bilion (2023: RM84.9 bilion). Peningkatan ini turut memberi impak positif kepada sektor berorientasikan pelancongan, khususnya di Selangor, Johor dan W.P. Kuala Lumpur, sekali gus mendorong pertumbuhan sektor Perkhidmatan negeri ini mengatasi paras nasional, 5.3 peratus.

Prestasi pelaburan sektor Perkhidmatan yang menggalakkan serta lonjakan pelancongan domestik negara pada tahun 2024 telah mendorong kedudukan pasaran buruh negara pada tahap yang lebih baik. Industri berkaitan pelancongan iaitu Perdagangan borong dan runcit serta Makanan & minuman dan penginapan kekal sebagai penyumbang utama kepada bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan, masing-masing merekodkan sumbangan sebanyak 28.5 peratus dan 15.1 peratus. Pada masa sama, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat ke paras tertinggi baharu iaitu 70.6 peratus (2023: 70.0%) dengan KPTB tertinggi direkod oleh W.P. Putrajaya (78.7%). Lima (5) negeri lain yang turut mencatatkan KPTB melepasi nasional ialah Selangor (77.9%), diikuti W.P. Kuala Lumpur (75.4%), Pulau Pinang (72.0%), Johor (71.6%) dan Sabah (70.9%). Kadar pengangguran turut menurun kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun 2023. Sepuluh negeri merekodkan kadar pengangguran lebih rendah dari nasional, didahului oleh W.P. Putrajaya (1.1%). Ini diikuti Melaka (1.6%), Pulau Pinang dan Pahang (masing-masing 2.0%), Selangor dan Johor (masing-masing 2.3%), Kedah (2.5%), W.P. Kuala Lumpur (2.6%) serta Terengganu dan Negeri Sembilan (masing-masing 3.1%). Manakala lima (5) negeri selainnya mencatatkan kadar pengangguran mengatasi nasional dengan kadar pengangguran tertinggi dicatatkan oleh Sabah (7.6%), W.P. Labuan (6.5%) dan Perlis (4.1%).

Di samping pengukuhan mata wang Ringgit dan penyusutan harga komoditi dunia, inisiatif Kerajaan dalam mengawal harga barang dan perkhidmatan serta pemberian subsidi bagi barangan tertentu, sedikit sebanyak mengekang inflasi Malaysia daripada terus meningkat lebih tinggi. Inflasi Malaysia menyederhana kepada 1.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 2.5 peratus yang dicatatkan tahun sebelumnya. Peningkatan

lebih rendah ini didorong oleh penurunan dalam kumpulan Maklumat & Komunikasi (-1.5%) dan Pakaian & Kasut (-0.3%). Selain itu, peningkatan perlahan turut direkodkan dalam kumpulan Restoran & perkhidmatan penginapan (3.1%), Makanan & minuman (2.0%), Kesihatan (1.8%), Pendidikan (1.5%), Pengangkutan (1.0%) dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.7%). Manakala kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, Minuman Alkohol & Tembakau dan Insurans & Perkhidmatan kewangan mencatatkan peningkatan lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Mengulas mengenai inflasi di peringkat negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menjelaskan "Semua negeri kecuali Pulau Pinang menunjukkan peningkatan perlahan dalam inflasi dengan W.P. Labuan mencatatkan kadar inflasi terendah iaitu 0.7 peratus. Manakala empat (4) negeri melepasi paras inflasi nasional (1.8%) iaitu Pulau Pinang (3.0%), Sarawak (2.4%), Pahang (2.4%) dan Selangor (2.1%)."

Penduduk Malaysia pada tahun 2024 dianggarkan berjumlah 34.1 juta orang (2023: 33.4 juta orang), meningkat 1.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selangor, Johor, Sabah, Perak dan Sarawak kekal sebagai lima (5) negeri dengan bilangan penduduk tertinggi dengan jumlah penduduk seramai 20.4 juta orang, menyumbang secara kumulatif 59.8 peratus kepada populasi penduduk Malaysia. Pada tempoh sama, tiga (3) negeri merekodkan kadar pertumbuhan bilangan penduduk mengatasi nasional 1.9 peratus iaitu Sabah (4.0%), W.P. Kuala Lumpur (3.0%) dan Selangor (2.1%). Sementara itu, kadar pertumbuhan terendah dicatatkan oleh Sarawak (0.6%), Perak (1.1%), Negeri Sembilan (1.2%) dan W.P. Putrajaya (1.2%).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory (ODIN)* 2024/25 yang dikeluarkan oleh

Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 OGOS 2025

Carta 1: Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2023-2024

Negeri	 Pertanian	 Perombongan & pengkuarian	 Pembuatan	 Pembinaan	 Perkhidmatan	 KDNK 2024	 KDNK 2023
Johor	4.2	11.3	4.2	42.7	6.0	6.4	4.1
Selangor	6.6	11.8	5.1	13.2	6.3	6.3	5.4
W.P. KL*	..	2.9	4.3	21.1	5.5	6.2	3.8
Pahang	8.4	-3.9	3.5	12.9	4.9	5.7	5.1
W.P. Labuan	2.3	-	-0.7	5.3	6.4	5.4	1.8
Malaysia	3.1	0.9	4.2	17.5	5.3	5.1	3.5
Pulau Pinang	0.1	5.5	4.0	14.4	5.0	4.8	3.2
Negeri Sembilan	9.8	-5.2	3.9	9.1	4.3	4.6	1.9
Terengganu	3.9	13.6	3.9	17.5	4.0	4.5	2.2
Melaka	-1.0	6.6	3.8	30.6	4.8	4.44	2.8
Perak	3.6	-2.9	5.1	11.5	4.1	4.36	2.7
Kedah	4.0	-3.0	6.6	-11.1	3.8	4.2	1.7
Sarawak	0.5	4.1	1.3	18.7	4.9	3.9	1.3
Kelantan	2.8	8.2	2.2	20.7	3.4	3.6	2.6
Perlis	2.9	2.7	1.4	16.9	3.3	3.3	2.0
Sabah	-3.4	-5.0	1.2	18.8	4.2	1.1	1.4
SUPRA	-	1.0	-	-	-	1.0	2.9


* Termasuk W.P. Putrajaya

Carta 2: Kadar Inflasi mengikut negeri, 2023-2024




Kadar Inflasi Malaysia: 1.8% (2023: 2.5%)

Carta 3: Nilai eksport barangan mengikut negeri, 2023-2024




Nilai eksport Malaysia: RM1.5 trilion (2023: RM1.4 trilion)

Carta 4: Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, 2023-2024




Kadar penyertaan tenaga buruh Malaysia: 70.6% (2023: 70.0%)

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut negeri, 2023-2024



Kadar pengangguran Malaysia: 3.2% (2023: 3.4%)

Carta 6: Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut negeri, 2022



Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Malaysia: RM6,338 (2019: RM5,873)